

# Program Outreach Lambidan dekati masyarakat melalui pendidikan

UB 27.10.2016 B2

**MENUMBOK:** Seramai 24 penuntut Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran) Sesi 2016/2017 Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengambil bahagian dalam Program Outreach Lambidan selama empat hari bertempat di SK Lambidan, di sini, baru-baru ini.

Sekolah di sekitar daerah ini yang terlibat dalam program berkenaan ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Lambidan, SK Tanjung Aru, dan SK Sangkabok. Manakala ibu bapa dan belia yang turut serta dalam program itu terdiri daripada penduduk Kampung Lambidan, Kampung Tanjung Aru, Kampung Sangkabok dan Kampung Jagus.

Pengarah Program Roziah Ali Hussien berkata salah satu objektif program itu adalah bagi melahirkan mahasiswa yang peka dan proaktif terhadap pendidikan masyarakat luar bandar.

Katanyamelalui programitu akan dapat mengembangkan minat dan keseronokan khususnya subjek Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik dalam kalangan peserta.

Menurut beliauprogram itu bukan sahaja berfokus kepada murid-murid malahan komuniti setempat dilibatkan



**AJK dan peserta program Outreach UMS SK Lambidan Menumbok.**

secara langsung melalui pelbagai aktiviti yang telah dirancang.

Beliau yakin penduduk di Kampung Lambidan dan sekitarnya pasti akan memperoleh manfaat melalui program itu dengan adanya agensi jemputan seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Beaufort.

“Kehadiran kami di sini bukan sahaja mahu mendekatkanlagimasyarakat dengan pendidikan, tetapi ingin membantu penduduk di sini untuk terus berhubung

dengan agensi yang bertanggungjawab dalam membantu meningkatkan tahap ekonomi di kawasan ini,” katanya.

Penutupan program itu telah disempurnakan oleh Penolong Pegawai Daerah Menumbok Hussin Narion.

Selain bekerjasama dengan pihak UMS, program berkenaan turut mendapat kerjasama daripada Guru Besar SK Lambidan, SK Sangkabok, SK Tanjung Aru, Umno Bahagian Beaufort, Pejabat Daerah Kecil Menumbok, dan badan

bukan kerajaan (NGO) iaitu Concern Citizen Association yang bergiat aktif dalam membantu membangunkan pendidikan di luar bandar.

Program itu dikendalikan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS Dr Khalid Johari dan turut dibantu oleh Prof Madya Dr Jumat Sulaiman, Dr Mohd Kamel Wan Ibrahim, Fazli Abdul Hamid dan beberapa pelajar peringkat PhD yang bertindak sebagai sukarelawan.

Selain meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar, program

berkenaan juga memberi pendedahan kepada belia di pedalaman mengenai pelbagai peluang menimba kemahiran yang disediakan kerajaan.

Program itu turut dimeriahkan dengan acara sukaneka dan malam kebudayaan memabitkan peserta program dan penduduk di Kampung Lambidan, Kampung Tanjung Aru, Kampung Sangkabok dan Kampung Jagus bagi mengeratkan hubungan peserta dengan anggotamasyarakat tempatan.

**- Oleh JOHAN AZIZ**